



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **LATIH AMAL DAN SIMULASI PENGURUSAN PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) UNTUK PERSEDIAAN HADAPI MONSUN TIMUR LAUT 2022/2023**

**KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan Program Latih Amal dan Simulasi Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut. Program ini disertai seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan JKM, agensi-agensi lain dan juga sukarelawan.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat hari ini ketika merasmikan program berkenaan berkata “Program ini diadakan sebagai latihan dalam memastikan persediaan rapi dibuat oleh semua pegawai dan kakitangan JKM dan agensi-agensi terlibat supaya sentiasa bersiap sedia seterusnya dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap, bersepadu dan berkesan di PPS”.

“Persediaan mental, fizikal dan emosi adalah sangat penting bagi para petugas dan sukarelawan yang akan mengendalikan PPS di seluruh negara khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Terdapat sebanyak 96 buah PPS melibatkan 12 kawasan parlimen yang berkapasiti untuk menempatkan 22,145 orang mangsa bencana” katanya.

“Berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 (Semakan Semula), Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, JKM mempunyai empat (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana,

menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana, menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan dan memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana. Sehingga 23 September 2022, JKM telah mendaftarkan sebanyak 6,010 buah PPS untuk kapasiti seramai 1.6 juta orang mangsa di seluruh negara berdasarkan pengesahan dan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD). Bilangan PPS ini juga dijangka akan bertambah apabila proses pendaftaran semua sekolah sebagai PPS selesai” menurut YB Datuk Seri Rina.

Pembukaan dan pengoperasian PPS ini adalah di bawah keputusan Pegawai Daerah dan bagi WP Kuala Lumpur, Datuk Bandar selaku Pengerusi JPBD. Sekiranya berlaku pembukaan PPS dalam keadaan *ad hoc*, Pegawai Daerah selaku Pengerusi JPBD boleh memutuskan pembukaan PPS dalam keadaan mendesak tanpa melalui Mesyuarat JPBD. JKM juga merupakan anggota tetap bagi Mesyuarat JPBD yang bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Dalam waktu yang sama, JKM juga sedang melaksanakan Latih Amal dan Simulasi Pengurusan PPS di seluruh negara yang melibatkan pelbagai pihak.

Kementerian melalui JKM komited untuk bekerjasama dengan semua agensi yang terlibat bagi memastikan negara dapat menguruskan bencana dengan sebaiknya khususnya dalam musim Monsun Timur Laut pada kali ini demi kebajikan dan kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia. Seluruh rakyat turut diharapkan agar sentiasa bersiapsiaga dan mematuhi arahan pihak berwajib sekiranya terlibat dalam bencana khususnya bencana banjir, lebih-lebih lagi mereka yang berada di kawasan berisiko tinggi.

####

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**